

KEPENTINGAN PENGANGKUTAN AWAM DI MALAYSIA

MENGURANGKAN KESESAKAN LALU LINTAS



Penggunaan bas awam dan kereta api elektrik seperti LRT, MRT dan Komuter dapat mengurangkan bilangan kenderaan di jalan raya dan seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas, terutamanya pada waktu puncak.

MENGURANGKAN PENCEMARAN ALAM

Penggunaan kenderaan awam yang menggunakan kuasa elektrik seperti LRT, MRT dan Komuter dapat mengurangkan pencemaran udara dan bunyi di kawasan bandar.



MENINGKATKAN DARJAH KETERSAMPAIAN



Pengangkutan awam seperti LRT dan MRT dapat memendekkan masa perjalanan dan memudahkan seseorang sampai ke destinasi dengan mudah dan cepat.

MENJIMATKAN KOS PERJALANAN

Penggunaan pengangkutan awam adalah lebih murah berbanding penggunaan kenderaan persendirian kerana tidak ada bayaran tempat letak kereta.



MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN



Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan e-panggilan telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk seperti pemandu Grab dan pemandu bas Rapid.

MEMAJUKAN INDUSTRI PELANCONGAN

Perkhidmatan kereta api, bas, teksi dan kapal terbang memudahkan pergerakan pelancong ke sesuatu destinasi dalam negara dengan mudah.

